



## TALKING POINTS UCAPAN YAB MENTERI BESAR SEMPENA PROGRAM MESRA JABATAN SUKARELAWAN MALAYSIA (RELA)

- Tahun 2022, Jabatan Sukarela Malaysia (RELA) menyambut Jubli Emas bertemakan *Dari Rakyat Bersama Rakyat Untuk Rakyat*. Bertepatan dengan tema Jubli Emas pada tahun ini, **roh atau semangat penubuhan** RELA sejak 50 tahun yang lalu adalah mencurahkan khidmat bakti tanpa kenal erti lelah demi menjaga kesejahteraan awam. Tema ini juga menjadi suatu peringatan penting kepada setiap anggota RELA bahawa kita harus sentiasa berdamping erat dengan rakyat demi menjaga kesejahteraan rakyat.
- Melihat dari kaca mata rakyat, segelintir berpandangan bahawa skop tugas RELA tidak lebih sekadar bertugas di penyeri majlis-majlis perkahwinan mahupun menjaga lalulintas di sebarang acara. Namun, realitinya berbeza, hakikat **jasa dan sumbangan anggota RELA cukup signifikan** dalam aspek

pemantauan keselamatan, bertugas di lokasi-lokasi bencana dan pengurusan kawalan wabak COVID19.

- Jasa dan sumbangan anggota RELA wajib kita beri penghargaan tinggi kerana **tanpa pengorbanan tuan-tuan dan puan-puan yang hadir pada hari ini, kita mungkin tidak menemui titik noktah kepada wabak COVID19.**
- Sewaktu negara berhadapan dengan wabak COVID19, anggota RELA menjadi sebahagian daripada **wira-wira** yang melakukan tugas di barisan hadapan dalam mengekang penularan wabak.
- Saya masih ingat sewaktu **Program Imunisasi Kebangsaan COVID19** berlangsung di negeri Perak, waktu itu kita telah membuat keputusan membuka pusat tambahan bagi Pusat Pemberian Vaksin supaya sasaran vaksinasi yang ditetapkan dapat dicapai. Berkat kesungguhan dan komitmen yang ditunjukkan oleh pasukan RELA yang jitu, misi program vaksinasi berjaya di negeri Perak.
- Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi tinggi penghargaan dan **salute** kepada kepimpinan RELA negeri khususnya kerana sentiasa menunjukkan komitmen yang tinggi dan senantiasa berada dalam siap siaga dalam menjamin kesejahteraan awam di negeri ini.

## PERANAN RELA SEMAKIN PENTING

- Data: **Jumlah keahlian tenaga sukarelawan RELA seramai 3.1 juta anggota seluruh Malaysia dengan 281,548 ribu ahli berdaftar di Negeri Perak. Daripada jumlah ini, seramai 166,650 relawan manakala 114,898 relawati.**
- Ini menunjukkan bahawa RELA kekal sebagai platform terbaik pilihan rakyat dalam menjalankan aktiviti kesukarelawan. Hari ini bila kita bercakap mengenai peranan RELA, terlalu banyak **kejayaan** yang telah dicapai oleh pasukan RELA sama ada dari segi keselamatan awam, operasi melibatkan pintu-pintu sempadan seperti di kawasan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZONE), mengekang pendatang tanpa izin (PATI) yang masuk ke negara ini secara haram dan pengurusan wabak COVID19.
- Ini menunjukkan peri pentingnya peranan RELA kepada keselamatan negara. Ia juga menggambarkan kepada kita semua bahawa RELA bukan lagi sekadar penyeri majlis, tetapi mempunyai peranan besar dalam setiap urusan keselamatan negara.
- Sebab itu saya melihat peranan yang sangat penting boleh dimainkan oleh kepimpinan RELA untuk terus menarik **golongan belia** untuk terlibat secara langsung dalam RELA. Kita perlu memacu semangat sukarelawan kepada generasi muda upaya generasi ini mempunyai motivasi dan hala tuju bagi melaksanakan misi sejagat mengenai keamanan, kemanusiaan, kesejahteraan dan kesaksamaan di seluruh pelosok dunia tanpa mengira fahaman

agama, bangsa dan status sosial semata-mata.

- RELA perlu segera mengorak langkah dan rencana menyambutnya. RELA sudah pun menjadi kepala dalam menggerakkannya ke seluruh negara dan ia disokong oleh fakta dan angka penambahan anggota yang begitu nyata.

Hadirin hadirat yang dihormati sekalian,

- Alhamdulillah, kita sudah memasuki fasa endemik COVID19, bermaksud kita harus memandang ke hadapan, ***moving forward what's next for us***, kita semua yang ada di sini memikul tugas yang besar untuk membangunkan kembali negeri.
- Mutakhir ini, kita sedang menghadapi satu **era ketidaktentuan ekonomi** di peringkat global akibat ketegangan geopolitik dan perubahan iklim dunia telah menjejaskan rantai makanan global. Di sesetengah negara, eksport dicatu kerana penghasilan mengalami penurunan mendadak. Akibatnya, harga makanan global meningkat lebih 30 peratus.
- Dalam konteks negara kita, jumlah rakyat terus meningkat, permintaan makanan asas seperti ayam, telur dan beras juga terus meningkat namun pengeluaran makanan daripada penternak dan peladang statik (*stagnant*) di paras yang sama, menunjukkan (*supply and demand chain*) yang tidak seimbang. Kita tidak boleh terus bergantung terus menerus (*economic dependence*) dengan eksport makanan daripada luar, **sebaliknya kita harus membina kekuatan sendiri dalam aspek sekuriti makanan dalam negara.**

- Kesan ekonomi akibat daripada pandemik Covid19 yang melanda dunia juga telah menyebabkan kemudharatan daripada segi pertumbuhan ekonomi, peluang pekerjaan, masalah kemiskinan dan inflasi yang tinggi. Namun kita bersyukur ketika kadar inflasi di negara luar melambung tinggi, **kadar inflasi di Malaysia terendah di Asia Tenggara dengan kadar sekitar 2.2 peratus pada Mac 2022.**
- Di bandingkan dengan negara seperti Amerika Syarikat sudah mencecah 8.3 peratus manakala United Kingdom 9.0 peratus. Alhamdulillah, kita harus memberi kredit penuh kepada Kerajaan Pusat kerana mempunyai pelan komprehensif dalam menangani masalah inflasi. Untuk makluman semua, Kerajaan Pusat telah memberi subsidi sebanyak **77 billion** untuk menangani masalah inflasi.
- Menyedari realiti serba mencabar ini, kerajaan negeri tidak boleh berpeluk tubuh, perlunya ada satu pelan negeri kalis cabaran mendatang. Saya dan barisan kepimpinan pentadbiran kerajaan negeri telah membangunkan sebuah pelan **strategik negeri jangka panjang yang bersifat realistik, dinamik dan boleh capai.**
- Saya sendiri turun padang melalui Program Menteri Besar Bersama Rakyat atau lebih dikenali sebagai MESRA ke setiap pelosok daerah bagi mendengar, mengambil pandangan serta cadangan kaedah terbaik untuk kita bangunkan negeri kita ini.

- Natijahnya, saya selaku Menteri Besar telah melancarkan Pelan Perak Sejahtera 2030 dengan **matlamat ‘Perak Makmur, Rakyat Sejahtera’**, yakni pelan pembangunan strategik yang mencerminkan aspirasi rakyat yang inginkan kesejahteraan, keselamatan dan pembangunan.
- Dengan misi “**Memacu Pembangunan Sosioekonomi yang Mampan, Inklusif dan Dinamik**”, pelan ini menggariskan **enam (6) agenda utama** negeri, iaitu sekuriti makanan, ekonomi digital, pembuatan keputusan berpacukan data, perlombongan lestari, koridor TVET Malaysia dan tadbir urus projek berkepentingan negeri.
- **Tiga (3) sasaran**, iaitu **Sejahtera Sosial, Sejahtera Ekonomi dan Sejahtera Politik** telah ditetapkan dengan memfokuskan **lima (5) prinsip** yang memandu arah jentera Kerajaan Negeri menuju tahun 2030, iaitu keseimbangan pembangunan fizikal dan sosioekonomi, kerjasama pintar, kelestarian penggunaan sumber dan alam semula jadi, sistem penyampaian perkhidmatan yang cekap dan ambil peduli serta kepakaran berkualiti dan bernilai tinggi.
- Untuk rekod, pihak Institut Darul Ridzuan (IDR) telah menjalankan **129 sesi libat urus** bagi mengumpul input dan pandangan daripada pelbagai pihak termasuk Ahli-Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri, pegawai tertinggi syarikat berkaitan kerajaan GLC negeri, wakil-wakil rakyat, ketua-ketua jabatan kerajaan, pasukan keselamatan dan agensi.

## **18 PROGRAM FLAGSHIP PERAK SEJAHTERA**

- Bagi mencapai agenda dan sasaran yang ditetapkan dalam Perak Sejahtera 2030, 18 program Flagship dilaksanakan yang merupakan sinergi antara kerajaan, GLC dan agensi-agensi negeri.
- Kesemua 18 program ini bukan sahaja menjadi pemangkin kepada misi mensejahterakan rakyat, tetapi turut memberi nilai tambah kepada projek keutamaan yang akan diterajui agensi negeri dan persekutuan.

Flagship 1 - Lembah Bakul Makanan (Sekuriti Makanan)

Flagship 2 - Perumahan Sejahtera

Flagship 3 - Perlombongan Lestari

Flagship 4 - Koridor TVET Malaysia

Flagship 5 - Program Pembolehdayaan Modal Insan dan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Flagship 6 - Membasmi Miskin Tegar 2025

Flagship 7 - Program Menyantuni Golongan Rentan

Flagship 8 - Agenda Perak Sihat Sejahtera

Flagship 9 - Program Mesra Pelabur

Flagship 10 - Ekonomi Pengalaman

Flagship 11 - Ekonomi Digital Negeri Perak

Flagship 12 - Sumber Air dan Sumber Tenaga Boleh Baharu

Flagship 13 - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara

Flagship 14 - Pusat Kecemerlangan Balai Cerap Negara

Flagship 15 - Ipoh Bandar Ekonomi Donat 2027

Flagship 16 - SMART Perak

Flagship 17 - Komuniti Perak Sejahtera

## **PERANAN RELA DALAM MEMBINA PERAK SEJAHTERA**

- Secara umum, setiap lapisan rakyat mempunyai peranan penting dalam menjayakan setiap agenda dalam Perak Sejahtera.
- Namun untuk hari ini, saya hendak menyentuh mengenai peranan yang boleh dimainkan oleh RELA untuk menjayakan agenda membina komuniti sejahtera khususnya melalui beberapa program flagship yang sedang dan akan dilaksanakan.

### **Flagship Komuniti Perak Sejahtera**

- Dilaksanakan melalui aktiviti berteraskan kesukarelawanan. Antara program yang telah dirancang ialah:

#### **i) Komuniti Rukun Tetangga**

Projek ini mewujudkan kesatuan dalam organisasi sedia ada dalam sesuatu kawasan. Selain itu, aktiviti-aktiviti kemasyarakatan juga akan dilaksanakan bagi mengukuh semangat perpaduan, keharmonian, kerjasama, kebajikan, kesihatan, kesejahteraan ekonomi dan kualiti hidup dalam kalangan masyarakat.

#### **ii) Skuad Perak Sejahtera**

Penubuhan skuad ini bertujuan memupuk semangat kesukarelawanan dengan bertindak sebagai agen kerajaan di lapangan dalam melaksanakan kerja kebajikan kepada masyarakat yang memerlukan. Skuad ini akan menjadi payung kepada pasukan sukarelawan sedia ada di negeri ini. Sukarelawan akan diperkasa melalui latihan yang bersesuaian untuk terus memberi khidmat bakti kepada masyarakat.



Lebih menarik, skuad ini akan diwujudkan di setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

## **NILAI BERSAMA**

- Seperti yang sering saya sebutkan, kejayaan pelan Perak Sejahtera bergantung kepada komitmen kita semua sebagai rakyat Perak.
- Sebab itulah, pelan pembangunan ini didasari LIMA (5) Nilai Bersama iaitu Jujur, Bijaksana, Prihatin, Kebersamaan dan Tegas.
- Saya mengajak kita semua termasuk RELA untuk mengadaptasi nilai-nilai ini untuk mendukung setiap hasrat murni yang digarap dalam pelan ini.

## **NICHE DAN PROJEK BERIMPAK TINGGI DAERAH**

- **Isu ketidakseimbangan pembangunan** di setiap daerah, kawasan bandar dan luar bandar, antara perkara utama yang diberi perhatian oleh kerajaan negeri untuk ditangani bagi mewujudkan kesejahteraan bersama dalam kalangan rakyat.
- Menjelang tahun 2030, kerajaan negeri bercita-cita untuk melihat sebuah **pembangunan yang saksama** di antara daerah. Pembangunan tidak hanya tertumpu di kawasan bandar seperti Ipoh atau Taiping, tetapi **pembangunan juga harus sampai di Kampung Sungai Haji Mohamed di Bagan Datuk dan Kampung**

## **Parit Haji Kerani di Tanjong Piandang sebagai contoh.**

- Menyedari perkara ini, untuk menangani permasalahan dalam tempoh jangka masa panjang, melalui Perak Sejahtera 2030 telah **menjenamakan semula potensi daerah menggunakan konsep niche:**

1. Daerah Hulu Perak - Mengarusperdanakan Ekonomi Berteraskan Biodiversiti
2. Daerah Kerian - Transformasi Jelapang Padi
3. Daerah Larut Matang & Selama - Hab IKS Pintar
4. Daerah Kinta - Pelancongan Peradaban dan Kesejahteraan Nusantara
5. Daerah Perak Tengah - Koridor TVET Malaysia
6. Daerah Kuala Kangsar - Pelancongan DiRaja Global
7. Daerah Kampar - Ekopelancongan
8. Daerah Manjung - Hab Maritim & Pelabuhan Nusantara
9. Daerah Bagan Datuk - Persada Kelapa Dunia
10. Daerah Hilir Perak - Lembah AgroMakanan
11. Daerah Batang Padang - ASEAN Agrotech Distribution Centre
12. Daerah Mualim - Hab Inovasi Teknologi Automotif

## **PENUTUP**

- **Perak Sejahtera bukan karya Saarani Mohamad.** Bukan cita-cita saya sebagai Menteri Besar. Bukan juga karya barisan Exco dan jentera pentadbiran. Pelan ini adalah **cita-cita kita semua sebagai**

**rakyat Perak yang mahukan sebuah negeri yang makmur dan sejahtera.**

- Ia digarap dengan begitu teliti dengan mengambil kira pandangan segenap lapisan rakyat tanpa mengira kaum dan agama. Memeta pelan ini tidak mudah, dan sudah tentu melaksanakannya juga tidak akan pernah mudah.
- Saya menyeru setiap daripada anggota RELA untuk **terus memberi kepercayaan dan dukungan kepada kerajaan hari ini** untuk kita terus bersama-sama menjayakan segala yang telah dirancang dalam Pelan Perak Sejahtera 2030.
- Saya mengajak RELA untuk bersama-sama dalam menjayakan setiap hasrat murni yang digarap dalam pelan ini. Untuk kita sedaya upaya membina negeri yang makmur, stabil dan berjaya untuk masa depan anak-anak kita.